

DATE : 02 FEB 2018
PUBLICATION : UTUSAN BORNEO (SARAWAK)
SECTION : NASIONAL
HEADLINE : WARGA EMAS TIDAK DILUPAKAN SETIAP KALI MENJELANG PERAYAAN
CATEGORY : MENTION
MEASUREMENT : 136.8CM²
TONE : NEUTRAL
REMARKS : NIL

Warga emas tidak dilupakan setiap kali menjelang perayaan

MIRI: Setiap kali menjelang musim perayaan, warga emas yang menghuni pusat jagaan Home For The Aged di Krokop dekat sini, antara golongan paling gembira kerana tidak pernah dilupakan.

Begitu juga menjelang sambutan Tahun Baharu Cina (TBC) kali ini, penghuni pusat jagaan Home For The Aged teruja dengan kunjungan badan amal, pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dan syarikat yang prihatin dengan mereka.

Sebuah syarikat tempatan Serba Dinamik Sdn Bhd semalam turut membawa keriang sambutan TBC untuk warga emas di pusat berkenaan.

Selain diberi hamper, hadiah dan angpau, mereka turut disajikan dengan hidangan makanan serta hiburan.

Rombongan Serba Dinamik diketuai Eksekutif Kanan Sumber Manusia, Pentadbiran dan Hal Ehwal Korporat Jenny Sii Hie

Kong dan Penasihat Pusat Khidmat Miri Susie Su Hieh Mee.

Ketibaan rombongan berkenaan disambut penyelia pusat Betty Pong.

Sempena kunjungan itu, syarikat turut mendermakan pembesar suara dan lampin pakai buang dewasa bagi keperluan harian warga pusat berkenaan.

"Ini merupakan khidmat komuniti kami yang pertama bagi pusat jagaan warga emas Home For The Aged," jelas Jenny.

Beliau berharap melalui usaha tersebut, pihaknya dapat berkongsi keriang sambutan perayaan TBC dengan penghuni pusat, selain memastikan mereka tidak berasa tersisih pada musim perayaan ini.

"Kita tidak akan melupakan masyarakat kurang bernasib baik di sekeliling kita dan pada masa yang sama syarikat ini merancang mengadakan lebih banyak aktiviti amal seperti ini pada

masa akan datang di bawah program tanggungjawab sosial korporat (CSR) syarikat.

Sementara itu, Betty turut berterima kasih kepada syarikat berkenaan kerana membawa keceriaan kepada penghuninya pada musim perayaan.

"Sedikit sebanyak usaha seperti ini dapat mengurangkan kesepian mereka dan membawa senyuman kepada penghuni di sini.

"Pintu pusat Home for The Aged ini sentiasa terbuka untuk mereka yang ingin melakukan kerja amal dan kemasyarakatan untuk penghuni pusat ini," tambahnya.

CERIA: Jenny (tiga kanan) menyampaikan sumbangan kepada penghuni pusat warga emas terbabit yang diterima Betty manakala Susie (dua kanan) menyampaikan angpau kepada penghuni pusat sebagai simbolik sambutan TBC.

